



SOP AM PELAKSANAAN MAJLIS KERAJAAN DAN SWASTA

Merangkumi

- Mesyuarat
- Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan
- Persidangan
- Ceramah
- Semua Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta

Perkara dibenarkan

- Jumlah peserta mengikut kapasiti ruang tempat penganjuran **dengan penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter**

Arahan Tetap

- Penganjuran di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir
- SOP berkaitan penganjuran majlis di Institut Latihan Awam, Hotel, Pusat Konvensyen dan sebagainya di bawah Kementerian dan Agensi berkaitan

Penganjuran Tidak Dibenarkan Jika:

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang

Waktu Beroperasi

Tertakluk kepada penganjuran

Waktu Kehadiran Pelanggan

Tertakluk kepada penganjuran

Kapasiti Peserta

Tertakluk kepada saiz ruang dan penjarakan fizikal

AKTIVITI DAN PROTOKOL BAGI PENGANJUR/ URUS SETIA/PENCERAMAH

Tindakan	Penerangan Ringkas
Proses Pendaftaran Peserta	<ol style="list-style-type: none"> Kaunter saringan kesihatan hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Peserta dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk. Penganjur, urusetia dan penceramah juga perlu menjalani saringan kesihatan. Petugas di kaunter saringan kesihatan juga perlu memastikan para peserta membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan merekod kehadiran peserta. Semasa para peserta menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi. Jawatankuasa penganjur, urusetia, penceramah dan peserta diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>). Mengawal pintu masuk dan kehadiran peserta yang masuk ke dalam ruang persidangan. Kehadiran peserta hendaklah tertakluk kepada saiz keluasan ruang dengan penjarakan fizikal.
Pendaftaran Peserta Menggunakan Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"> Semua Penganjur mesti mendaftarkan peserta menggunakan imbasan QR code melalui aplikasi MySejahtera selain daripada pendaftaran bagi rekod penganjur. Peserta yang tidak mempunyai telefon pintar direkodkan secara manual.
Ruang Majlis	<ol style="list-style-type: none"> Melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas penganjuran program serta nyah kuman sebelum dan selepas. Memastikan tempat penganjuran persidangan mempunyai pengudaraan yang baik. Menyusun dan menanda kedudukan peserta di dalam ruang persidangan. Penjarakan fizikal 1 meter antara susunan tempat duduk. Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara <i>pack-food</i>, hidangan (<i>served</i>), <i>dome setting</i> atau <i>buffet</i> yang diseliakan oleh pramusaji untuk mencedok makanan ke pinggan peserta. Peserta juga digalakkan untuk menggunakan sarung tangan pakai buang (<i>disposable gloves</i>) bagi mencedok makanan ke pinggan. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.



SOP AM PELAKSANAAN MAJLIS KERAJAAN DAN SWASTA

Merangkumi

- Mesyuarat
- Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan
- Persidangan
- Ceramah
- Semua Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta

Perkara dibenarkan

- Jumlah peserta mengikut kapasiti ruang tempat penganjuran **dengan penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter**

Arahan Tetap

- Penganjuran di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir
- SOP berkaitan penganjuran majlis di Institut Latihan Awam, Hotel, Pusat Konvensyen dan sebagainya di bawah Kementerian dan Agensi berkaitan

Penganjuran Tidak Dibenarkan Jika:

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang

Waktu Beroperasi

Tertakluk kepada penganjuran

Waktu Kehadiran Pelanggan

Tertakluk kepada penganjuran

Kapasiti Peserta

Tertakluk kepada saiz ruang dan penjarakan fizikal

AKTIVITI DAN PROTOKOL BAGI PESERTA

Tindakan	Penerangan Ringkas
Proses Pendaftaran Peserta	<ol style="list-style-type: none"> Mengikut arahan penganjur di kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi membuat pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Peserta dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk. Para peserta membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>). Semasa menunggu giliran di kaunter saringan, para peserta mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur. Peserta digalakkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>). Kehadiran peserta hendaklah tertakluk kepada saiz keluasan ruang dengan penjarakan fizikal.
Pendaftaran Peserta Menggunakan Aplikasi MySejahtera	<ol style="list-style-type: none"> Semua peserta mesti mendaftarkan dengan mengimbas QR <i>code</i> melalui aplikasi MySejahtera selain pendaftaran yang ditetapkan oleh penganjur. Peserta perlu mencatatkan nama dan nombor telefon jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera.
Ruang Persidangan	<ol style="list-style-type: none"> Mengambil kedudukan seperti yang telah ditanda atau ditetapkan oleh penganjur. Beratur mengambil makanan secara tertib dalam kedudukan penjarakan serta tidak berkumpul semasa makan. Tidak bersesak di dalam lif dan tandas atau mana-mana ruang di tempat persidangan. Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar ruang persidangan sebelum atau selepas selesai program.